

No. Rujukan : USB.02/14.01/10/11/3Jld.3(1)  
Tarikh : 19 Disember 2024

**Pensyarah**

**Pelajar**

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan, UTM

Dr. / Tuan / Puan,

**MOD PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) SECARA FLEKSIBEL BAGI TEMPOH SAMBUTAN HARI NATAL TAHUN 2024**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat bernombor UTM.J.08/01/10.12/31 (34) bertarikh 1 Oktober 2024 adalah berkaitan.

2. Sehubungan itu, mengambil kira keperluan pelajar untuk pulang ke kampung bagi sambutan Hari Natal, pihak pengurusan SPACE telah bersetuju semua aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) **mulai 22 hingga 27 Disember 2024 (Ahad hingga Jumaat)** akan dilaksanakan **secara dalam talian**. Semua aktiviti akademik yang berkaitan dengan makmal, studio, ujian dan lain-lain yang memerlukan kehadiran fizikal akan dijadualkan semula.

3. Oleh yang demikian, pensyarah disarankan untuk mengambil tindakan selanjutnya dalam pelaksanaan PdP bagi menyantuni pelajar semasa musim perayaan ini.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**DR. LILY SURIANI BINTI MOHD ARIF**

Timbalan Dekan (Akademik)

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan

✉ : lily@utmSPACE.edu.my

s.k - **Dekan**

- **Timbalan Dekan (Pembangunan)**

- **Timbalan Pendaftar**

- **Pengurus Besar**

Pusat Pengajian Diploma

Pusat Pengajian Ijazah dan Asasi

Pusat Pengajian Separuh Masa

- **Pengurus Kanan**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

- **Saudara Phua Yu Cheng** (email: phuayucheng@graduate.utm.my)

Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2024/2025

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan, UTM

Rujukan Kami : UTM.J.08.01/10.12/31 ( 34 )  
Tarikh : 1 Oktober 2024

### Dekan

Fakulti Alam Bina dan Ukur (FABU)  
Fakulti Pengurusan (FM)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)  
Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga (FKT)  
Fakulti Komputeran (FC)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Fakulti Sains (FS)  
Fakulti Kecerdasan Buatan (FAI)  
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS)  
*Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT)*  
Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE)

YBrs. Prof./Prof. Madya Dr.,

### **SARANAN PENETAPAN MOD PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA FLEKSIBEL BAGI TEMPOH SAMBUTAN PERAYAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas serta surat dari pihak Majlis Perwakilan Pelajar bertarikh 28 Julai 2024.

2. Pihak universiti telah mengeluarkan Pekeliling Akademik Bil. 2/2024 bertarikh 2 April 2024 berkaitan Kalendar Akademik Sesi 2024/2025 dan Pelepasan Kuliah Melibatkan Hari Cuti Umum/Hari Perayaan. Pekeliling tersebut juga telah menekankan bahawa sekiranya mana-mana pelajar yang memerlukan tambahan hari pelepasan kuliah berdasarkan hari perayaan agama dan budaya masing-masing, pelajar boleh berbincang dengan pensyarah yang berkaitan.

3. Selain itu, pensyarah juga telah diberikan fleksibiliti dalam menetapkan mod pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi sesi kuliah di bawah tanggungjawab masing-masing tertakluk kepada dokumen maklumat kursus (*course information - CI*) yang telah diluluskan. Ini adalah selari dengan keputusan Mesyuarat Senat Universiti Bil.6/2023/2024 bertarikh 27 Mac 2024 yang telah meluluskan Garis Panduan Pembelajaran dan Pengajaran Universiti Teknologi Malaysia.

2/...

4. Oleh yang demikian, pihak Fakulti/Sekolah dan juga pensyarah adalah dikehendaki memberikan pertimbangan yang sewajarnya untuk menjalankan pembelajaran secara dalam talian untuk kemudahan mahasiswa.

Sekian, terima kasih.

**“Malaysia Madani”**  
**“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. MOHD SHAFRY BIN MOHD RAHIM)**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia

s.k - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
- Majlis Perwakilan Pelajar